



## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
WISMA TANI, BLOK PODIUM, LOT 4G1, PRESINT 4  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62630 PUTRAJAYA, MALAYSIA



Telefon : 03 – 8870 2217, 03 – 8870 2248 Faks : 03 – 8888 4457, 03 – 8888 0579,  
E-mail : [pro@dvs.gov.my](mailto:pro@dvs.gov.my)

### KENYATAAN MEDIA

Oleh;

**Y.B. DATO' NOH BIN HAJI OMAR**

Menteri Pertanian & Industri Asas Tani Malaysia

3 Mei 2010 (Isnin)

### **BANTUAN KEPADA PENTERNAK LEMBU LADANG ESTET CONNEMARA, KG. RINCHING HILIR – KEMATIAN MENGEJUT 150 EKOR LEMBU**

1. Kes kematian mengejut ternakan lembu di Ladang Estet Connemara Daerah Hulu Langat ini melibatkan tiga penternak iaitu En. Jamali Ibrahim, P. Rajaselvan dan S. Mannilam dengan jumlah keseluruhan ternakan 300 ekor. Ternakan lembu ini adalah lembu pedaging kacukan LID dan kacukan Brahman yang berumur di antara 1 hingga 10 tahun yang dilepas bebas di dalam kawasan ladang kelapa sawit. Sehingga kini, 150 ekor lembu telah mati.
2. Bedah siasat telah dilakukan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor dan sampel telah dihantar ke Makmal Veterinar Kawasan Petaling Jaya untuk siasatan penyakit dan punca kematian. Rawatan menggunakan *sodium thiosulphate* telah diberi minum kepada ternakan yang masih sakit.
3. Justeru itu, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) telah mengambil inisiatif untuk membantu penternak melalui pemberian 20 ekor ternakan kepada setiap penternak di bawah skim TRUST. Di bawah Skim TRUST ini, penternak perlu membayar balik kepada JPV di dalam bentuk ternakan.

4. JPV juga telah menasihatkan agar penternak menggunakan pagar elektrik untuk mengawal ternakan dan memohon kerjasama dari pihak estet agar program merumpai tidak dijalankan di kawasan ternakan meragut. Pihak estet juga dipohon untuk membenarkan penternak menggunakan kawasan estet sebagai tempat ragutan.
5. Menyedari tentang risiko yang dihadapi oleh para penternak, MOA sedang mengkaji untuk mewujudkan insuran ternakan. Sekiranya insuran ternakan ini wujud, para penternak akan mendapat pampasan yang akan mengurangkan sedikit kerugian yang dialaminya.
6. MOA sentiasa prihatin di atas segala kesulitan dan masalah yang dihadapi oleh penternak.